

16.5.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.
(Hari Air Sedunia 2026)

“AKTIF JIMAT AIR” : PENGURANGAN PENGGUNAAN AIR DI PULAU PINANG DAN PENINGKATAN BEKALAN AIR ADALAH SAMA PENTING

- Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang mengalami tekanan air. Namun begitu, pada tahun 2025, penggunaan air domestik per kapita direkodkan pada kadar 267 liter/kapita/hari, antara yang tertinggi (jika bukan yang tertinggi) di Malaysia.
- Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBAPP sedang melaksanakan projek-projek air utama. Pengguna air domestik di Pulau Pinang juga perlu mengurangkan penggunaan air di rumah.

PULAU PINANG, Sabtu, 16.5.2026: Pengguna air domestik di Pulau Pinang disaran untuk “aktif jimat air” bagi membantu memastikan kecukupan bekalan air dalam era perubahan iklim ini, sehingga projek-projek bekalan air utama siap dilaksanakan.

Menjadi aktif air bermaksud memahami status tekanan air Pulau Pinang, peka terhadap penggunaan air domestik dan paling penting: mengambil tindakan untuk mengurangkan penggunaan air di rumah.

Penggunaan air domestik yang tinggi

Pada tahun 2025, purata jumlah penggunaan air di Pulau Pinang adalah sebanyak 865 juta liter sehari (JLH). Daripada jumlah itu, sebanyak 482 JLH (55.7%) digunakan oleh isi rumah di Pulau Pinang. Sementara itu, penggunaan air bukan domestik oleh kilang, hotel, pusat beli-belah, premis perniagaan dan pejabat kerajaan adalah 383 JLH.

Statistik penggunaan air domestik per kapita bagi Pulau Pinang adalah sebanyak 267 liter/kapita/hari (LKH) pada tahun 2025. Purata kebangsaan pula ialah 225 LKH pada tahun 2024. Singapura merekodkan 141 LKH bagi tahun 2024.

Hakikatnya, penggunaan air isi rumah di Pulau Pinang masih tinggi. Pada masa yang sama, Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang berdepan tekanan air kerana mempunyai keluasan yang terhad, iaitu hanya 1,158 kilometer persegi. Oleh sebab keluasan tanah yang terhad, sumber air mentah juga adalah terhad.

Pengurangan penggunaan air sama penting dengan projek bekalan air baharu

Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP giat melaksanakan projek-projek bekalan air untuk masa hadapan. PBAPP melaburkan RM2.1 bilion bagi Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030). Kerajaan Persekutuan pula sedang melaksanakan 5 projek tambahan persekutuan dengan anggaran kos keseluruhan RM838 juta.

Dalam masa yang sama, pengguna air domestik di Pulau Pinang juga disaran mengamalkan penggunaan air secara berhemat di rumah.

Bekalan air dan penggunaan air (atau permintaan) sebenarnya merupakan dua komponen dalam satu persamaan mudah. Sebagai operator air berlesen, PBAPP berusaha membekalkan sebanyak mungkin air yang diperlukan di Pulau Pinang. PBAPP tidak boleh membekalkan lebih banyak air sekiranya tiada permintaan. Sebaliknya, tanggungjawab kami adalah memastikan bekalan air sentiasa mencukupi dan paip pengguna terus mengalirkan air.

Penggunaan air di Pulau Pinang meningkat daripada 827 JLH pada tahun 2016 kepada 865 JLH pada tahun 2025. Jumlah ini dijangka terus meningkat selaras dengan pertumbuhan penduduk dan perkembangan sosioekonomi yang pesat.

Tiga (3) sebab utama

Terdapat 3 sebab utama untuk “aktif jimat air” di Pulau Pinang dalam tahun 2026:

1. Perubahan iklim telah menjejaskan jumlah dan taburan hujan di kawasan tadahan air (KTA) Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang, serta Empangan Muda dan Empangan Beris yang melepaskan air ke Sungai Muda semasa musim kering.

Musim panas dan kering yang berpanjangan, yang dikaitkan dengan fenomena El Niño, meningkatkan tekanan terhadap empangan-empangan kita. Pengurangan penggunaan air domestik dapat membantu mengurangkan tekanan tersebut.

Oleh itu, apabila anda berjimat air di rumah, kita semua dapat mengurangkan kebimbangan ketika berdepan cuaca panas dan musim kering yang berpanjangan.

2. Dua daripada lapan projek WCP 2030 telah siap dilaksanakan. Enam lagi projek WCP 2030 dijadualkan siap menjelang tahun 2029. Begitu juga, lima projek persekutuan turut dijadualkan siap menjelang tahun 2029. Sementara itu, Projek Air Perak-Pulau Pinang (P-PWP) dijangka membekalkan air dari Perak mulai tahun 2031.

Penggunaan air domestik yang lebih rendah akan membantu “memberi masa” (dari 2026 hingga 2029) bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga semua projek ini beroperasi sepenuhnya.

3. “Aktif jimat air” juga bermaksud membayar bil air isi rumah yang lebih rendah. Dengan kata lain, penjimatan air di rumah dapat membantu mengurangkan perbelanjaan isi rumah.

Cara aktif jimat air

Tidak sukar untuk aktif jimat air. Anda boleh bermula dengan tiga (3) amalan mudah:

- Elak biarkan paip air mengalir tanpa digunakan. Didik juga anak-anak supaya mengamalkan perkara yang sama.
- Elak gunakan hos untuk mencuci kenderaan atau menyiram tanaman. Gunakan baldi dan kain basah untuk membersihkan kenderaan; serta gunakan bekas penyiram tanaman untuk menyiram pokok.
- Segera baiki paip, saluran paip dan sistem pam tandas yang bocor.

Untuk lebih banyak panduan penjimatan air, sila layari www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
E-mel : comms@pba.com.my